



جَنَاتُ خَالِ الْإِيمَانِ أَكْثَرُ إِسْلَامًا وَكَيْفَانًا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

16 REJAB 1443H / 18 FEBRUARI 2022M

BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH, LEBIH BAIK CEGAH

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 26/01/2022

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HALIM
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 15/02/2022

DIBACA PADA : 18/02/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAIKARUDIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH, LEBIH BAIK CEGAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

Pada hari yang mulia serta penuh dengan keberkatan ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketaqwaan kepada-Nya, kita akan memperolehi keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Bersempena dengan sambutan Hari Antidadah Kebangsaan yang disambut pada **19 Februari** setiap tahun, maka mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “**BAHAYA PENYALAHGUNAAN DADAH, LEBIH BAIK CEGAH**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Pihak Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri amat menitiberatkan aspek keselamatan dan ketenteraman negara bagi memperkukuh penguatkuasaan keselamatan seterusnya mengurangkan kadar jenayah di Malaysia.

Kita sering diperdengarkan dengan berlakunya kes jenayah dalam penyalahgunaan dadah yang menjadi punca kepada permasalahan sosial yang lain. Sehingga September 2021, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah merekodkan seramai lebih daripada

114,000 orang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sebanyak 79% daripada jumlah tersebut adalah bangsa Melayu. Data turut menunjukkan, daripada 100,000 orang penduduk terdapat seramai 394 orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Andai ini berterusan, bagaimana matlamat Aspirasi Keluarga Malaysia akan tercapai? Sekiranya ketagihan dadah, kerosakan akhlak dan lain-lain anasir buruk berlaku dalam masyarakat kita. Ingatlah amaran Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 195 :

... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: "...Dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuatbaiklah. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

Penyalahgunaan dadah telah meninggalkan kesan buruk, mudarat dan kerosakan besar kepada individu penagih itu sendiri. Lebih parah lagi apabila kesannya menular kepada agama, bangsa dan negara. Allah SWT telah menjelaskan kepada kita tentang batasan tertentu kepada hawa nafsu agar tidak memilih sesuatu yang diharamkan sekaligus mendatangkan kemudharatan. Terdapat pelbagai jenis dadah yang menghayalkan dan memberi kesan mudarat terhadap tubuh badan dan minda manusia jika ianya diambil secara berlebihan atau disalahgunakan. Pelbagai jenis dadah seperti heroin, morfin, ganja, pil kuda, ectasy, syabu dan yang seumpamanya boleh menyebabkan kecanduan dan berlakunya krisis sosial sama ada terhadap individu, keluarga mahupun masyarakat. Oleh sebab itu, Islam telah memberi amaran keras terhadap kesan kecanduan dan penyalahgunaan ini dengan mengaitkannya dari perbuatan syaitan yang perlu dijauhi. Allah SWT berfirman menerusi surah al-Maidah, ayat 90 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya minuman keras, berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan menenung nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan setan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu beruntung.”*

JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Dalam menangani permasalahan penyalahgunaan dadah ini, ianya memerlukan semua pihak lebih cakna dan berperanan. Ingatlah kepimpinan negara ini akan diwarisi oleh generasi hari ini. Oleh yang demikian adalah perlu untuk kita mengambil langkah-langkah pencegahan. Sedarilah bahawa setiap daripada kita adalah pemimpin, dan kita juga yang akan dipertanggungjawabkan terhadap pimpinan kita ini kelak. Antara usaha yang boleh kita upayakan adalah seperti berikut :

Pertama:- Peranan Ketua Keluarga, iaitu dengan mendukung amanah dan tanggungjawab membimbing anak-anak agar teguh dengan akidah Islam, menyediakan keperluan daripada sumber yang halal lagi baik dan ambil tahu persekitaran yang berlaku di sekeliling kita.

Kedua:- Keprihatinan dan Kebersamaan dalam masyarakat. Dalam erti kata lain setiap daripada kita perlu menjalin hubungan baik dan sikap peduli terhadap masyarakat sekeliling. Sebagai anggota masyarakat yang prihatin, kita juga patut proaktif membendung gejala sosial ini daripada terus membarah. Bertegaslah dengan mengambil tindakan yang mampu dan wajar seperti menegur, memberi nasihat ataupun melaporkan kepada pihak berautoriti seperti Polis atau Agensi Antidadah Kebangsaan daerah yang berdekatan. Dalam hal ini, Rasulullah SAW pernah bersabda melalui sebuah hadis baginda yang masyhur yang **bermaksud:**

Daripada abu Sa'id al-Khudri RA berkata, “Aku mendengar Nabi SAW bersabda : barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman”
(HR.Muslim,78)

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN.

Sebelum khatib menyimpulkan khutbah minggu ini, sekali lagi saya ingin menyeru marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Seterusnya kita berusaha mengikuti dan mengamalkan Sunnah Rasulullah SAW. Antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Institusi kekeluargaan yang harmoni akan menghindarkan masyarakat daripada terjebak ke dalam gejala yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah.

Kedua: Umat Islam hendaklah memastikan setiap perkara yang dilakukan dan digunakan adalah bersumberkan yang halal serta menepati syariat Islam.

Ketiga: Masyarakat hendaklah bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat agar terpelihara daripada anasir negatif.

Keempat: Umat Islam hendaklah sentiasa berdoa dan berusaha membimbing anak-anak dan anggota masyarakat agar terhindar daripada aktiviti yang tidak sihat seperti penagihan dadah. Sebagaimana pepatah Arab menyebutkan:

الْوَقَايَةُ خَيْرٌ مِنَ الْعِلَاجِ

Maksudnya: "Mencegah itu lebih baik daripada mengubati".

Allah SWT berfirman menerusi surah al-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, dan keras, yang tidak durhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ،
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي يغ مها موليا سري قدوك بكيندا يغ دفرتوان أكوغ وَفَحَامَةِ الرَّئِيسِ
الأعلى تون يغ تراوتام يغ دفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اَللّٰهُمَّ اَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfak pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللّٰهِ،

۞ اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ

وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ، وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Dengan Kerjasama

Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah, Kementerian Dalam Negeri

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.

Tel: 088-522142



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.